

## HARI ITHNAIN, 24 APRIL, 1961

\*1. Enche' Zulkiflee bin Muhammad bertanya kepada Perdana Menteri ia-itu mengapa-kah tidak di-kemukakan satu undang<sup>2</sup> di-dalam Parlimen untuk melaksanakan usul yang di-terima oleh Dewan ini lebeh daripada

sa-tahun yang lalu berkenaan dengan menggunakan tulisan kebangsaan Persekutuan, dan bila Kerajaan berchadang hendak melaksanakan usul tersebut.

\*2. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Buroh ia-itu apa-kah sebabnya penyata siasatan terhadap Perlabuhan Pulau Pinang menurut Undang<sup>2</sup> Majlis Gaji<sup>2</sup> itu lambat keluar-nya.